

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Sunday, 10 May, 2020 1:51 PM
To: norazlinaabdjalil@gmail.com
Subject: Fw: Jabatan Kesihatan Negeri Kedah Puji Inisiatif UUM Hasil PPE Berkualiti

Daripada: UUM CORPORATE COMM.

Dihantar: 17 April 2020 15:34

Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students

Subjek: Jabatan Kesihatan Negeri Kedah Puji Inisiatif UUM Hasil PPE Berkualiti



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

17 APRIL 2020 / 23 SYAABAN 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nurul Sahadar Che Nuh (Pelajar Pelatih dari SMMTC)

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH PUJI INISIATIF UUM HASIL PPE BERKUALITI



UUM ONLINE: Usaha murni warga UUM menjahit pakaian perlindungan diri (PPE) untuk kegunaan petugas barisan hadapan Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) dipuji Jabatan Kesihatan Negeri Kedah.

Penolong Pengarah, Bahagian Perubatan, Dr. Huzaifah Md Nor berkata, pihaknya berterima kasih kepada UUM kerana sanggup meluangkan masa dan tenaga untuk menghasilkan PPE tersebut.

Menurutnya, PPE yang dihasilkan staf dan pelajar UUM sangat berkualiti tinggi dan telah memenuhi standard ditetapkan.

“Inisiatif UUM untuk membantu petugas barisan hadapan ketikan sedang berjuang untuk mencegah penularan wabak ini sangat dihargai dan dipuji, tambahan pula petugas barisan hadapan ini memerlukan PPE setiap hari bagi mereka merawat pesakit Covid-19.

“Saya harap sumbangan UUM dalam menghasilkan PPE ini akan mengeratkan hubungan antara kedua pihak pada masa hadapan,” katanya ketika meninjau penyediaan PPE Gown di bilik jahitan Pusat Kokurikulum, baru-baru ini.

Selain menghasilkan PPE untuk diserahkan kepada petugas hadapan, UUM menerusi Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) dengan kerjasama SCIMPA turut menghasilkan topeng muka yang dijahit sukarelawan terdiri daripada staf dan pelajar.

Sementara itu, sukarelawan, Siti Nurhajar Mohd Mani berkata, dia berbesar hati apabila dapat membantu UUM untuk menyediakan keperluan *frontliners* di negeri ini.

Menurutnya, penglibatan dalam projek tersebut merupakan satu pengalaman bermakna dan sangat membanggakan kerana dia dapat menyumbang tenaga dan bakti untuk petugas barisan hadapan yang bertugas untuk mencegah penularan Covid-19.

Bagi pensyarah, Dr. Asmidah Alwi, dia gembira kerana dapat membantu menyumbang jasa dalam memutuskan rangkaian wabak itu.

“Topeng muka yang dihasilkan ini adalah topeng muka yang boleh diguna pakai kembali kerana menggunakan material yang boleh dicuci semula.

“Sebanyak 200 topeng muka dihasilkan untuk kegunaan *frontliners* dan juga warga kampus yang berkenaan,” katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.